



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

SURAT PEKELILING SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2021

PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN PERENGGAN 50(1)(ea) AKTA KOPERASI 1993

TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memaklumkan pelaksanaan penguatkuasaan Akta Koperasi 1993 (Pindaan) 2021 bagi peruntukan perenggan 50(1)(ea) Akta yang membenarkan koperasi untuk menerima pinjaman/pembiayaan tanpa kelulusan Suruhanjaya.

LATAR BELAKANG

2. Akta Koperasi 1993 (Pindaan) 2021 telah dikuatkuasakan pemakaian mulai 1 April 2021 dan ianya terpakai bagi semua koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.

3. Salah satu peruntukkan yang dipinda adalah perenggan 50(1)(ea) Akta Koperasi 1993 yang membenarkan koperasi untuk menerima pembiayaan/pinjaman tanpa perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya daripada –

(a) institusi kewangan yang berlesen, iaitu:

- (i) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758];
- (ii) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]; dan
- (iii) suatu institusi yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], atau

(b) mana-mana Koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

4. Bagi maksud mana-mana Koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya, sebanyak tiga (3) buah koperasi telah diluluskan iaitu Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP), Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (Koperasi Tentera) dan Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA).

PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN

5. Sehubungan itu, pindaan ke atas penerimaan pembiayaan/pinjaman daripada institusi kewangan yang berlesen dan mana-mana koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya **dilaksanakan** kepada mana-mana koperasi yang telah menerima Surat Tawaran (*Letter of Offer*) mulai **1 April 2021**.

6. Walau bagaimanapun, koperasi yang telah menerima Surat Tawaran (*Letter of Offer*) sebelum tarikh Akta dikuatkuasakan, hendaklah mengemukakan permohonan bagi tujuan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya.

7. Sebagaimana menurut perenggan 14(1)(c) Akta, koperasi juga dikehendaki memberi **makluman secara bertulis** berhubung dengan penerimaan pinjaman kepada Suruhanjaya.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

8. Semua Koperasi hendaklah mematuhi Surat Pekeliling ini dan kegagalan mematuhinya adalah suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993.

9. Surat Pekeliling ini dikuatkuasakan pemakaiannya kepada semua koperasi mulai 1 April 2021.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

HAJI ZAZALI BIN HARON
Timbalan Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 1 April 2021